



Sultan Ibrahim Iskandar

PEWARIS PERDU KESULTANAN MELAYU MELAKA

Kesultanan Johor Moden pada hakikatnya tidak bermula dari tahun 1528 apabila Seri Nara Diraja dan orang kaya-kaya pembesar Sultan Mahmud Melaka bermuafakat menerima penamaan Raja Ali sebagai ganti baginda sebagai Yang di-Pertuan Besar Johor-Pahang-Riau-Lingga.

Raja Ali bertakhta dengan gelaran Sultan Ala'uddin Riayat Shah II (1528–1564) pada usia belasan tahun. Baginda mewarisi wilayah Kesultanan Melayu Melaka kecuali kota pemerintahan yang ditakluki oleh Portugis pada 15 Ogos 1511. Selain itu, Pahang berada di bawah pemerintahan Sultan Mahmud Shah (1519–1530) dan Perak dikurniakan kepada Sultan Mudzaffar Shah (1528–1549), kanda Sultan Ala'uddin Riayat Shah II. Kedudukan Yang di-Pertuan Besar adalah lebih tinggi daripada pemerintah yang bergelar Sultan, Yam Tuan Muda, Yang di-Pertuan Muda, Raja dan pelbagai gelaran lain meskipun turut diberikan gelaran yang sama, iaitu Sultan.

Rencana ini bertujuan untuk menunjukkan kedudukan Sultan Ibrahim Iskandar, Sultan Johor sebagai pewaris perdu Kesultanan Melayu Melaka. Kenyataan itu berlandaskan tiga kerangka yang dibina melalui sumber berwibawa seperti *Hukum Kanun Melaka*, *Sejarah Melayu*, *Sulalat al-Salatin*, *Tuhfat*

al-Nafis, *Kitab Thamaratul Matlub Fi Anuaril Qulub*, *Hikayat Siak*, *Hikayat Negeri Johor*, *Sejarah Kerajaan Lingga*, *Kerajaan Johor 1641–1728* dan bahan di Arkib Johor, iaitu pertama; indikator pelestarian kesultanan, kedua; pengangkatan Yang di-Pertuan Besar dan pemerintah, dan ketiga; pemazkulan Yang di-Pertuan Besar dan pemerintah.

Terdapat empat indikator yang menunjukkan pelestarian suatu kesultanan mengikut adat Melayu. Antaranya termasuklah Yang di-Pertuan Besar atau pemerintah ialah ketua kerajaan berdaulat; Yang di-Pertuan Besar atau pemerintah menganut agama Islam; Yang di-Pertuan Besar atau pemerintah diangkat mengikut syura dan baiah; dan pemerintahan berlandaskan prinsip kedaulatan watannya. Kelestarian kesultanan tidak tersyarat menerusi jawatan Yang di-Pertuan Besar diwariskan kepada puteranya. Sebaliknya adat Melayu menetapkan kaedahtan tersendiri seperti yang

dinyatakan. Misalnya, Bendahara boleh menggantikan Sultan sekiranya tiada waris ganti, bahkan pengangkatan Sultan diputuskan oleh *ahlul halli wal aqdi*, iaitu pembesar kesultanan.

Pengangkatan ganti Sultan tersyarat kepada pertama; kewujudan kesultanan atau kerajaan berdaulat. Kedua; kekosongan takhta. Ketiga; calon ialah waris ganti, iaitu diwasiatkan oleh Almarhum Sultan atau penama yang ditunjukkan oleh Bendahara, atau dengan mengambil kira pandangan Permaisuri Almarhum Sultan. Keempat; muafakat pembesar kesultanan (*syura ahlul halli wal aqdi*). Kelima; aqad, iaitu ijab dan kabul dengan calon terpilih. Keenam; baiah oleh para pembesar, ulama dan ketua masyarakat tempatan. Keputusan tersebut kemudiannya dimasyurkan dalam istiadat sebelum pemakaman, dan diikuti dengan istiadat pertabalan. Walau bagaimanapun, pertabalan tidaklah menjadi syarat keabsahan pengangkatan seorang Sultan.

Sepanjang sejarah Melayu, banyak berlaku peristiwa pemazkulan (pelucutan) Yang di-Pertuan Besar atau pemerintah akibat mangat diracun dan kalah perperangan. Mengikut adat Melayu yang tertulis dalam sumber berwibawa tersebut, pemazkulan Yang di-Pertuan Besar atau pemerintah berlaku dalam tujuh keadaan. Pertama; penyerahan takhta kepada pihak lain melalui kaedah undang-undang. Kedua; pelepasan sebahagian wilayah kerajaannya kerana kalah perang atau melalui kaedah undang-undang. Ketiga; hilang kerajaan akibat kalah perang. Keempat; tiada dalam negeri lebih daripada tempoh yang dibenarkan. Kelima; dilucutkan daripada takhta oleh *ahlul halli wal aqdi*. Keenam; dibunuh dan ketujuh; murtad.

Sementara itu, gelaran Sri Maharaja, Paduka Raja dan Paduka Tuan yang dihubungkan dengan pangkat pembesar seperti Bendahara, Temenggung dan Laksamana menunjukkan kedudukan keutamaan serta tauliah kekuasaan yang diberikan kepada mereka yang mengikut titah Sultannya. Di wilayah jajahan dan lindungan

terdapat juga pembesar bergelar Bendahara, Temenggung dan Laksamana. Boleh dikatakan juga Bendahara, Temenggung, Laksamana termasuklah Penghulu Bendahari dan Syahbandar merupakan ketua jabatan pentadbiran masing-masing.

Terdapat prerogatif mengikut adat Melayu yang hanya dimiliki oleh Sultan Yang di-Pertuan Besar melainkan diperkenankan buat pembesar tertentu. Pertama; menjadi ketua pemerintah kesultanan dan agama Islam, kedua; mengabsahkan adat Melayu untuk menjadi undang-undang, ketiga; menentukan hubungan diplomatik, keempat; mengisyartahkan perang dan kewilayahannya, kelima; memperkenankan hukuman bunuh, dan keenam; hak kesultanan seperti berbahasa istana tertentu.

Tauliah Sri Maharaja meletakkan kuasa budi bicara yang boleh dilaksanakan oleh seorang pembesar lebih luas daripada Paduka Raja manakala Paduka Tuan secara amalannya tidak boleh membuat keputusan sendiri. Pembesar utama seperti Bendahara, Temenggung dan Laksamana diperhatikan dalam dokumen sejarah pernah dikurniakan tauliah Sri Maharaja dan Paduka Raja.

Di wilayah jajahan, baginda dipertuarkan oleh pemerintah yang dirujuk sebagai raja sungai dan bergelaran bagi wilayah masing-masing, namun Sultan Yang di-Pertuan Besar memiliki enam prerogatif tersebut. Mereka menghadap apabila dititahkan dan juga membuat persembahan kepada Yang di-Pertuan Besar.

Lazimnya, Sultan Yang di-Pertuan Besar menguasai sendiri kota pemerintahan dengan bantuan para pembesar baginda. Sejarah Kesultanan Melayu Melaka menunjukkan Bendahara, Temenggung, Laksamana dan ada lain-lain pembesar Melaka mempunyai wilayah pungutan cukai. Pemerintah dalam wilayah naungan Kesultanan Melayu Melaka seperti Sultan Kedah mempunyai autonomi tersendiri meskipun bertuarkan Melaka. Terdapat pemerintah yang menguasai wilayah tertentu dengan

hak memungut cukai bagi pihak diri dan pemerintahannya. Kedudukan tersebut ada yang diwarisi oleh pemerintah tersebut dan ada hak sedemikian dikurniakan oleh Sultan Yang di-Pertuan Besar kepada mereka sebagai wakil baginda.

Sarjana tempatan merumuskan bahawa Bendahara Seri Wak Raja I Tun Perpatih Permuka Berajar mempunyai pertalian darah dengan Raja Melaka. Bendahara Melaka selepasnya turut mempunyai pertalian sehingga galah Bendahara Tun Habib Abdul Majid, iaitu Bendahara Kesultanan Johor-Pahang-Riau-Lingga. Pertalian Bendahara Tun Habib Abdul Majid dengan dinasti Bendahara Melaka dititiskan melalui puteri Datuk Sekudai Tun Jenal yang bernikah dengan Syed Zainal Abidin yang melahirkan Tun Dagang, ayahanda Bendahara Tun Habib Abdul Majid.

Apabila Sultan Mahmud II (1685–1699) mangkat, para pembesar Kesultanan Johor-Pahang-Riau-Lingga mengangkat Bendahara Tun Abdul Jalil, putera Bendahara Tun Habib Abdul Majid sebagai ganti baginda bergelar Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV (1699–1718). Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV merupakan Sultan kerajaan berdaulat yang beragama Islam, diangkat melalui syura dan baiah dan mengekalkan prinsip kedaulatan watannya. Baginda dan kesultannya memenuhi indikator pelestarian kesultanan terdahulu meskipun bukan waris ganti.

Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV melantik puteranya Tun Abas sebagai Bendahara Sri Maharaja, manakala dengan perkenan baginda, Tun Abdul Jamal, putera Bendahara Sri Maharaja Tun Abas dilantik pula sebagai Temenggung Sri Maharaja. Temenggung Abdul Jamal menikahi Raja Maimunah, puteri Opu Daeng Parani melalui pernikahannya dengan Tengku Tengah, puteri Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV.

Temenggung Abdul Jamal digantikan oleh puteranya Temenggung Sri Maharaja Ibrahim, seterusnya cucundanya Temenggung Sri Maharaja Abdul

Rahman. Temenggung Abdul Rahman menandatangani Triti bertarikh 2 Ogos 1824 bersama-sama dengan Sultan Husain Muhammad Shah bagi maksud penyerahan Pulau Singapura kepada Kerajaan Inggeris. Keabsahan Triti itu boleh dipertikai kerana Sultan Husain Muhammad Shah dilantik sebagai Sultan Johor oleh Inggeris sedangkan Sultan Abdul Rahman Muazzam Shah (1812–1832) yang sah diangkat mengikut adat Melayu masih bertakhta.

Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV meletakkan Pahang di bawah pemerintahan dan pungutan cukai Bendahara Sri Maharaja manakala Johor pula di bawah Temenggung Sri Maharaja. Meskipun Singapura pada ketika itu berada dalam wilayah pemerintahan dan pungutan cukai Temenggung Sri Maharaja, namun penyerahan wilayah tidak boleh dilakukan tanpa perkenaan Sultan.

Tuhfat al-Nafis menceritakan Tuan Raflis (Stamford Raffles) mengaturkan majlis pemasyhuran Tengku Long Husain sebagai Sultan Johor dalam khemah di tengah padang. Pemasyhuran itu dibacakan oleh Encik Yahya, jurutulis William Farquhar yang berbunyi, "Bawaha sesungguhnya hendaklah diketahui oleh segala orang yang tua-tua yang tuan Gabenor Jeneral Benggala mengangkatkan Tengku Long bergelar Sultan Hussain Muazzam Shah ibn almarhum Sultan Mahmud III Shah Alam di dalam negeri Singapura serta teluk Rantau jajahan negeri yang tersebut itu."

Selepas Triti Inggeris-Belanda ditandatangani pada 17 Mac 1824 yang membahagikan wilayah pengaruh politik antara Inggeris dengan Belanda; Bendahara dan Temenggung Sri Maharaja masih bertuarkan Sultan Abdul Rahman Muazzam Shah yang bersemayam di Lingga. Namun begitu, pada 29 Oktober 1830 Kesultanan Johor-Pahang-Riau-Lingga terbubar implikasi perjanjian antara Sultan Abdul Rahman dengan Kerajaan Belanda. Petikan penting Perjanjian bertarikh 29 Oktober 1830 adalah seperti yang berikut:

PEWARIS PERDU LEGASI KESULTANAN MELAYU MELAKA

(YANG DI-PERTUAN BESAR)

Perjanjian 17 Mac 1824 ini di London, antara Yang di-Pertuan Besar atas Netherland dengan Yang di-Pertuan Besar atas Great Britain dan Ireland, kerana Perjanjian itu, jadi Johor dan Pahang, tiada lagi di bawah Yang di-Pertuan Besar Lingga.

Maka pada sekarang ini perjanjian yang lama, yang dibuat oleh Govermen Netherland dengan Yang di-Pertuan Besar Johor dan Pahang dan Riau dan Lingga dan segala takluknya itu, tiadalah boleh dipakai begitu.

Dengan kuat kuasanya Perjanjian 1830, Johor dan Pahang tidak lagi bertuarkan Riau-Lingga, sekali gus berkerajaan sendiri kerana Yang di-Pertuan Besar di Riau-Lingga sudah termakzul sebagai Yang di-Pertuan Besar bagi Johor dan Pahang. Perjanjian 1830 bertujuan untuk melaksanakan polisi yang terkandung dalam Triti Inggeris-Belanda 1824 terhadap wilayah Johor-Pahang-Riau-Lingga.

Maka itu, menjadi sah kepada pembesar tempatan di Johor dan Pahang untuk mengangkat Sri Maharaja masing-masing sebagai Yang di-Pertuan Besar mengikut adat Melayu. Pemerintah Johor pada ketika itu masih bergelar Raja Temenggung Tun Ibrahim Sri Maharaja (1830–1862) walaupun baginda layak diangkat sebagai Yang di-Pertuan Besar Johor.

Atas muafakat para kerabat dan pembesar, ganti baginda, iaitu Raja Temenggung Abu Bakar Seri Maharaja (1862–1895) dimasyurkan sebagai Sultan Johor dengan memakai gelaran Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor Abu Bakar ibni Almarhum Al-Khalil Ibrahim Shah pada 13 Februari 1886 seperti diperihalkan dalam Hikayat Johor. Peristiwa tersebut berlaku selepas Raja Temenggung Tun Abu Bakar Seri Maharaja terlebih dahulu mendapat perkenan Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah ibni Almarhum Sultan Abdul Rahman di Riau-Lingga sebagai tanda hormat. Sultan Abu Bakar memenuhi indikator yang menunjukkan pelestarian suatu kesultanan bahkan memasyurkan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor, perlembagaan bertulis dalam bentuk moden pada 4 April 1895

Parameswara [1400-1414]

~~~~~  
Megat Iskandar Shah [1414-1424]

~~~~~  
Sultan Muhammad Shah [1424-1444]

~~~~~  
Sultan Abu Syahid Shah [1444-1445]

~~~~~  
Sultan Muzaffar Shah [1445-1456]

~~~~~  
Sultan Mansor Shah [1456-1477]

~~~~~  
Sultan Ala'uddin Shah [1477-1488]

~~~~~  
Sultan Mahmud Shah [1488-1510]

~~~~~  
Sultan Ahmad Shah [1510-1513]

~~~~~  
Sultan Mahmud Shah [1513-1528]

~~~~~  
Sultan Ala'uddin Riayat Shah I [1528-1564]

~~~~~  
Sultan Muzaffar Shah II [1564-1570]

~~~~~  
Sultan Abdul Jalil I [1570-1571]

~~~~~  
Sultan Abdul Jalil Shah II [1571-1597]

~~~~~  
Sultan Ala'uddin Riayat Shah III [1597-1615]

~~~~~  
Sultan Abdullah Ma'ayat Shah [1615-1623]

~~~~~  
Sultan Abdul Jalil Shah III [1623-1677]

~~~~~  
Sultan Ibrahim Shah [1677-1685]

~~~~~  
Sultan Mahmud Shah II [1685-1699]

~~~~~  
Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV [1699-1718]

~~~~~  
Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah [1718-1722]

~~~~~  
Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah [1722-1760]

~~~~~  
Sultan Abdul Jalil Muazzam Shah V [1760-1761]

~~~~~  
Sultan Ahmad Riayat Shah [1761-1761]

~~~~~  
Sultan Mahmud Shah III [1761-1812]

~~~~~  
Sultan Abdul Rahman Muazzam Shah [1812-1832]

~~~~~  
Raja Temenggong Tun Ibrahim Seri Maharaja [1830-1862]

~~~~~  
Raja Temenggong Tun Abu Bakar Seri Maharaja [1862-1886]

~~~~~  
Sultan Abu Bakar [1886-1895]**

~~~~~  
Sultan Ibrahim [1895-1959]

~~~~~  
Sultan Ismail [1959-1981]

~~~~~  
Sultan Iskandar [1981-2010]

~~~~~  
Sultan Ibrahim (2010-kini)

*Dimakzulkan sebagai Yang di-Pertuan Besar Johor dan Pahang dengan kuat kuasanya Perjanjian bertarikh 29 Oktober 1830.

**Mula menggunakan gelaran Sultan dan Yang di-Pertuan seperti termaktub dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895 seperti yang berikut:

Al-Wathiq bi Allah Abu Bakar bagi Kerajaan dan Jajahan Johor dan segala daerah takluknya Sultan Yang di-Pertuan Raja dan kepala bagi Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati dan Raja dan Kepala bagi Darjah Mahkota Johor Yang Amat Mulia.

mengukuhkan prinsip kedaulatan watan pemerintahan Kesultanan Johor moden.

Sultan Ibrahim Iskandar, Sultan Johor merupakan penyambung perdu Kesultanan Melayu Melaka kerana Kesultanan Johor-Pahang-Riau-Lingga bertapak di Kota Tinggi, Johor dan baginda merupakan Yang di-Pertuan Besar Johor. Kesultanan lain di Tanah Melayu yang turut melestarikan legasi tersebut tetapi tidak bersifat perdu dan kebanyakannya dibebaskan dari

wilayah Kesultanan Johor-Pahang-Riau-Lingga dengan perkenan Yang di-Pertuan Besar dan selepas berkuasa perjanjian bertarikh 29 Oktober 1830.

Dirgahayu Tuanku kepada DYMM Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar yang telah menjawat sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-17 bermula pada 31 Januari 2024.

Datuk Profesor Madya Dr. Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, ISTAC-Universiti Islam Antarabangsa Malaysia/ Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah dan Pengasas Jurisprudens Watan.